

**Politikkan Isu Keselamatan, Satu Pengkhianat Kepada Negara, Kata Shafie Bernama  
23 Oktober, 2012**

SEMPORNA, 23 Okt (Bernama) -- Golongan yang sanggup mempolitikkan isu keselamatan negara termasuk soal pembelian kapal selam Scorpene boleh disifatkan sebagai pengkhianat kepada negara, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata golongan pembangkang yang membangkitkan isu tersebut sanggup menjadi alat orang luar untuk memecah belahkan perpaduan rakyat malah perbuatan berkenaan tidak bertanggungjawab kerana boleh menjejaskan keselamatan negara.

"Kita kesal tindakan ketua pembangkang yang cuba membawa peguam dari luar berhubung isu kapal selam. Pertama sekali, ia berkaitan isu keselamatan negara yang tidak sepatutnya dibangkitkan demi menjamin keselamatan negara kita.

"Kedua, kita negara berdaulat, mempunyai undang-undang dan peraturan yang harus dipatuhi. Ini menampakkan bahawa mereka akan menggunakan landasan apa sahaja untuk mencemarkan nama baik negara Malaysia. Tindak-tanduk mereka adalah demi kepentingan politik semata-mata," katanya.

Shafie berkata demikian kepada pemberita di sini hari ini selepas menyampaikan bantuan makanan dan wang tunai kepada 198 ketua isi rumah di Kampung Selamat yang menjadi mangsa kebakaran pada 18 Okt lalu menyebabkan 1,455 orang kehilangan tempat tinggal.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704226>